

SINOPSIS BAB 14 DAN 15

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

atlit	pingat	televisyen	pembukaan
sebutir	tahniah	Saridah	bersara
terharu	semangat	emas	Abdul Rahman
bermula	kejayaan	puas	menanggukannya
kelajuan	mengikatnya	kontingen	aman

Bab 14

Berita tentang Kamarul muncul dalam [] dan akhbar di Bangkok. Kamarul terkejut mendengar hal itu apabila diberitahu oleh []. Pada sebelah petang berlangsung upacara [] rasmi Sukan SEA Ke-14. Kamarul dan Sures menyertai perbarisan [] Malaysia. Pertandingan acara [] selepas itu. Pada hari pertama, Malaysia telah memenangi beberapa [] emas, perak dan gangsa. Encik Kadir dan penolong jurulatihnya memberi perangsang dan [] kepada Kamarul dan atlit Malaysia yang lain. Encik Kadir memberikan Kamarul [] pingat emas yang pernah dimenangnya sebagai perangsang Kamarul. Kamarul menerima dan [] di pinggang. Acara 100m bermula. Kamarul berjaya meraih [] menewaskan peserta lain termasuk [] Filipina, De Wega yang diminatinya. Pada sebelah petang, Kamarul memenangi satu lagi pingat [] menerusi acara 400m. Kejayaan Kamarul mendapat pujian dan ucapan [] daripada rakan-rakan atlit dan pegawai-pegawai, termasuk ucapan tahniah daripada rakan-rakan di Malaysia terutamanya []. Encik Kadir berasa [] dengan kejayaan Kamarul. Kamarul terkejut apabila Encik Kadir memberitahu cadangannya untuk [] selepas kejohanan sukan ini. Kamarul [] dan terkilan apabila diberitahu Encik Kadir sepatutnya bersara pada tahun ini tetapi [] demi kejayaan sukan SEA ini.

cenderamata	pingat	berakhir
dikunjungi	tahniah	tempat
mendarat	nasihat	kejayaan

Bab 15

Kejohanan Sukan SEA Ke-14 di Bangkok telah [] Malaysia menduduki [] kedua. Di hotel penginapan, Kamarul [] De Wega. De Wega mengucapkan [] kepada Kamarul. De Wega memberi [] dan kata perangsang kepada Kamarul. Kemudian Kamarul memberikan [] kepada De Wega sebagai kenang-kenangan. Demikian juga De Wega turut memberikan cenderamata berupa sebutir [] emas yang pernah dimenangi dalam sukan SEA di Brunei kepada Kamarul. Penerbangan pulang atlit Malaysia [] di Lapangan Terbang Subang Kuala Lumpur dan disambut meriah oleh emak, ayah, kakak, Saridah dan beberapa orang kawan-kawannya. Semua mengucapkan tahniah atas [] Kamarul.